

## SIARAN AKHBAR

S.A. 2024/01/25\_03 (HQ)

### TNB MEMBENTUK HUBUNGAN STRATEGIK DENGAN UTILITI CHINA BAGI MENGGUNAKAN TEKNOLOGI ARUS TERUS VOLTAN TINGGI DALAM MEREVOLUSI GRID TENAGA ASEAN

- Teknologi Arus Terus Voltan Tinggi (HVDC) mampu mengubah landskap tenaga ASEAN melalui kelancaran urusan dagang, meluaskan perkongsian sumber dan mempercepat integrasi Tenaga Boleh Baharu (TBB) dalam kalangan negara anggota
- Peningkatan permintaan tenaga berikutan kepesatan pusat data di samping inisiatif Grid Masa Depan (GoTF), menjadi pendorong Grid Tenaga ASEAN (APG)
- TNB mempamerkan kemampuan memenuhi permintaan tenaga dan komitmennya terhadap solusi tenaga lestari dengan menyempurnakan enam projek pusat data dengan jumlah kapasiti 292 megawatt (MW)

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** mengorak kerjasama dengan utiliti tenaga milik kerajaan China untuk merevolusi Grid Tenaga ASEAN (APG) melalui teknologi terkini Arus Terus Voltan Tinggi (*High-Voltage Direct Current-HVDC*). Langkah strategik ini mencerminkan komitmen TNB sebagai pemimpin tenaga serantau dalam mengembangkan solusi tenaga lestari.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din, mengumumkan demikian ketika taklimat kepada para penganalisis, baru-baru ini dengan menekankan betapa teknologi HVDC penting dalam kalangan negara ASEAN demi kelicinan perdagangan tenaga, perkongsian sumber dan integrasi TBB.

"TNB berada di barisan hadapan dalam memimpin inisiatif tenaga lestari di rantau ASEAN. Usaha meneroka teknologi HVDC menjadi bukti teguh komitmen kami terhadap inovasi dan kelestarian," kata Baharin.

"Kesalinghubungan menggunakan teknologi HVDC akan memberikan manfaat kepada perdagangan tenaga, perkongsian sumber dan integrasi TBB dalam kalangan kejurangan negara ASEAN. Maka, kami sedang dalam pertimbangan untuk bekerjasama dengan utiliti tenaga milik kerajaan China.

"Potensi kerjasama dalam projek HVDC ini dirangka secara strategik untuk memanfaatkan kepakaran dan pengalaman China dalam pembangunan projek HVDC yang kompleks di republik itu dan global. Ia menjadi penanda aras pertumbuhan serta bukti dedikasi kami dalam meluaskan sempadan kelestarian dan inovasi teknologi," jelasnya.

Sebagai pendukung utama APG, TNB memperakui peranan penting kesalinghubungan serantau dalam langkah komprehensifnya melaksanakan Peralihan Tenaga yang bertanggungjawab. Justeru, TNB telah menandatangani lima Memorandum Persefahaman

dengan negara-negara jiran, menumpukan kepada aspek kesalinghubungan dan penjanaaan TBB.

Selain itu, Baharin menegaskan bahawa peningkatan permintaan tenaga dari pusat data, bersama dengan inisiatif GoTF, menjadi pendorong utama revolusi APG. Malaysia telah menjadi fokus utama pelaburan pusat data di rantau ini, yang diperkukuh oleh dasar TBB yang semakin menguntungkan di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

Dalam pencapaian terkini TNB, Baharin mengumumkan kejayaan menyempurnakan enam projek pusat data, dengan permintaan berjumlah 292 megawatt (MW), termasuk dua projek siap lebih awal daripada jadual. Beliau merujuk kepesatan permintaan tenaga elektrik dengan potensi mencapai lebih 7,000MW menjelang 2035, sekali gus mendasari keperluan TNB melabur dalam pembangunan GoTF.

Baharin menekankan pentingnya grid yang fleksibel dan mampu menyambut peningkatan pemasangan solar serta memudahkan penyambungan segera daripada sistem jaringan solar serta sumber tenaga lain dalam memenuhi peningkatan berterusan permintaan. "Fokus kami adalah melaksanakan projek NETR, memperteguh ET dan menyediakan solusi tenaga hijau, berdaya harap dan mampu dinikmati oleh pelanggan sambil memastikan kestabilan bekalan tenaga elektrik negara."

Wawasan TNB tidak terbatas pada solusi tenaga Lestari, bahkan mencakupi komitmen kepada masyarakat, pemegang taruh dan masa depan lestari untuk generasi akan datang.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 25 Januari 2024, jam 10:00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /  
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

### **Mengenai Tenaga Nasional Berhad**

Tenaga Nasional Berhad ([www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my)) ialah syarikat utiliti Malaysia terkemuka di Asia dengan jejak antarabangsa di United Kingdom, Australia Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Cambodia. Dalam bidang Tenaga Boleh Baharu setakat Disember 2023, TNB memiliki kapasiti bekalan elektrik berjumlah 3,119MW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2,536.1MW hidro besar) dan 908MW di seluruh UK, Australia dan Turkiye yang meliputi penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Di samping menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 December 2023, TNB membekalkan elektrik kepada kira-kira 10.9 juta pelanggan.

### **Mengenai HVDC**

HVDC menggunakan arus terus (DC) untuk penghantaran tenaga elektrik, berbeza dengan sistem penghantaran arus biasa (AC). Saluran HVDC biasanya digunakan untuk penghantaran tenaga jarak jauh, kerana ia menggunakan kuantiti konduktor dan menanggung kerugian tenaga lebih rendah berbanding saluran AC yang setara. China kini memiliki pautan HVDC terpanjang di dunia, merentasi 1,100 kilovolt (kV) dengan jarak 3,300 km dengan kapasiti kuasa sebanyak 12 GW.



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din